

LAEVOLAC®-ORAL SOLUTION

(Lactulose concentrate 50%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan **Laevolac®-Oral Solution**
2. Bagaimana **Laevolac®-Oral Solution** berfungsi
3. Sebelum menggunakan **Laevolac®-Oral Solution**
4. Cara menggunakan **Laevolac®-Oral Solution**
5. Semasa menggunakan **Laevolac®-Oral Solution**
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan **Laevolac®-Oral Solution**
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

Apakah kegunaan **Laevolac®-Oral Solution**

Laevolac® ialah larutan aqua 50% w/w yang mengandungi gula laktulos di dalam kumpulan ubat dikenali laksatif, yang memudahkan pergerakan usus

Bagaimana **Laevolac®-Oral Solution** berfungsi

Ianya digunakan untuk rawatan sembelit kronik- Terapi Profilaksis pada Ensefalopati Hepatik

Sebelum menggunakan **Laevolac®-Oral Solution**

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil **Laevolac®** jika:

- Anda ada alahan terhadap laktulos
- Anda mengalami usus tersumbat yang bukan berpunca daripada sembelit

- Sebelum menggunakan

Jika anda mengandung atau sedang menyusukan bayi, rujuk doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil, atau baru mengambil sebarang ubat, termasuk yang tidak dipreskripsi

Cara menggunakan **Laevolac®-Oral Solution**

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk mengambil **Laevolac®**, tuang dengan berhati-hati pada sudu (bersamaan 5ml) dan telan ubat anda terus dari sudu

Dos untuk sembelit	Dos permulaan
Dewasa	30ml sehari
Kanak-kanak 7-14thn	15ml sehari
Kanak-kanak 1-6thn	10ml sehari
Bayi	5ml sehari

Dos boleh dikurangkan selepas beberapa hari dan diubah mengikut keperluan pesakit

Dos untuk penyakit hati:

Dos permulaan : 30 hingga 50ml tiga kali sehari

Pada pesakit berusia dan pesakit yang menghadapi kekurangan fungsi buah pinggang dah hati, tiada dos khusus disyorkan

- Bila perlu digunakan

Ambil **Laevolac®** bersama makanan dan minuman. **Laevolac®** boleh dicairkan dengan air atau cecair lain dan boleh juga diambil sendiri bersama makanan

- Berapa lama perlu digunakan

Ubat ini disyorkan diambil sebagai satu dos bersama sarapan. Ia mungkin mengambil beberapa hari sebelum menampakkan kesan, iaitu selari dengan prinsip tindakan laktulos

- Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang anda tertinggal

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda merasa telah mengambil **Laevolac®** secara berlebihan, anda perlu rujuk doktor atau ahli farmasi

Semasa menggunakan **Laevolac®-Oral Solution**

- Perkara yang perlu dilakukan

Pesakit yang mengalami sembelit berpanjangan perlu merujuk doktor and perlu diperiksa sebelum memulakan rawatan dengan **Laevolac®**. Kerosakan pergerakan usus yang kronik mungkin tanda penyakit yang lebih serius

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Penggunaan dan salah guna yang kronik boleh menyebabkan cirit-birit dan mengganggu keseimbangan elektrolit

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Laevolac® terkandung di dalam 15ml sirup dan maksimum 2.6g karbohidrat boleh cerna. Pada pesakit diabetes dan pesakit yang mengalami kesukaran untuk mencerna karbohidrat (fruktosa, galaktosa, dan laktosa), ia perlu diambil kira. 15ml **Laevolac®** mengandungi 0.1g fruktosa, 1.5g galaktosa dan 1.0g laktosa, yang hampir bersamaan dengan 10.2kcal/42.7kJ masing-masing 0.21BU (bread unit) maksimum.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, **Laevolac®** juga boleh memberi kesan sampingan

Kebanyakan pesakit mendapat manfaat daripada pengambilan **Laevolac®**, tetapi beberapa pesakit mungkin sebaliknya. Kesan sampingan yang telah dilaporkan termasuk kejang perut, loya, dan perut berangin. Walau bagaimanapun, kesan tersebut adalah sangat jarang dan selalunya akan hilang selepas peringkat awal rawatan. Sesetengah pesakit juga mungkin berasa tidak sihat apabila mereka mengambil dos **Laevolac®** yang tinggi. Perasaan sakit mungkin boleh berkurang jika anda meminum air kosong atau jus buah selepas mengambil ubat atau, ambil ubat anda semasa waktu makan

Jika anda perasan sebarang kesan sampingan yang tidak disebut di dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Consumers → Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Laevolac®-Oral Solution**

- Penyimpanan

Jauhi **Laevolac®** daripada kanak-kanak.
Jangan simpan di atas suhu 30°C
Jangan guna selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Laevolac®-Oral Solution ialah cecair jernih, pekat dan tidak berwarna atau coklat kekuningan pucat

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif
Bahan aktif ialah laktulos
Tiada bahan-bahan lain

- Nombor MAL

MAL20033966XZ

Pengilang

Fresenius Kabi Austria GmbH
Estermannstrasse 17, 4020 Linz
AUSTRIA

Pemegang Pendaftaran Produk

SCHMIDT BioMedTech Sdn Bhd
5th Flr, Wisma Tecna, 18A, Lot 318
Jalan 51A/223, 46100 Petaling Jaya
Selangor

Tarikh kemaskini RiMUP

1 Ogos 2018